

**AUDIENS REMAJA DAN PENERIMAAN
DRAMA INDONESIA DI TELEVISYEN
TEMPATAN: SATU KAJIAN KES TERHADAP
REMAJA PRIBUMI DI SABAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL (KOMUNIKASI)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**AUDIENS REMAJA DAN PENERIMAAN
DRAMA INDONESIA DI TELEVISYEN
TEMPATAN: SATU KAJIAN KES TERHADAP
REMAJA PRIBUMI DI SABAH**



NORLAJI BIN HJ. HAMID

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS DIHANTAR BAGI MEMENUHI
PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL (KOMUNIKASI)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 16 Ogos 2014

Norlaji Bin Hj. Hamid
PA2006-8255



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NORLAJI BIN HJ. HAMID**
NO. MATRIK : **PA2006-8255**
TAJUK : **AUDIENS REMAJA DAN PENERIMAAN DRAMA
INDONESIA DI TELEVISYEN TEMPATAN: SATU
KAJIAN KES TERHADAP REMAJA PRIBUMI DI
SABAH.**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA (KOMUNIKASI)**
TARIKH VIVA : **21 MEI 2012**

DISAHKAN OLEH;

1. **PENYELIA UTAMA**
Dr. Ramzah Dambul

Tandatangan

2. **PENYELIA I**
En. Saat Awang Damit

3. **PENYELIA II**
En. Syahrudin Awang Ahmad



PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Syukur ke atas Allah SWT yang memiliki segalanya sama ada di bumi dan langit kerana dengan rahmat-Nya dan redho-Nya saya diberi semangat dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini. Saya berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada Penyelia saya En. Saat Awang Damit yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, dan berkat sokongan beliau sehingga kajian ini dapat disiapkan. Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Penyelia saya En. Syahrudin Awang Ahmad yang tidak berbelah bagi menasihati dan menyokong untuk terus cekal. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Pengerusi Penyelia Dr. Ramzah Dambul yang banyak memberi sokongan. Pensyarah-pensyarah lain yang turut memberikan nasihat iaitu Dr. Haryati Abdul Karim, En. Latif Lai, En. Saffie Abdul Rahim, En. Munir Ladoni dan pensyarah Sekolah Sains Sosial. Tidak lupa penghargaan ini ditujukan kepada pihak sekolah SMK Perempuan Likas dan SM All Saints.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Ayahanda tersayang Haji Hamid dan Bonda tercinta Hjh. Salmah yang banyak bersabar dan memberikan sokongan tanpa jemu, sesungguhnya jasa ayahanda dan bonda tidak terhingga dan semoga Allah memberikan keberkatan serta rahmatNya di dunia dan akhirat. Penghargaan ini juga ditujukan atas dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus daripada isteri tercinta saya Cynthia AK Stephen, anakanda saya iaitu Muhammad Adam Yassin, Qaseh Aisyah, Danial Yusuf dan Harith Mirza, semoga kalian beroleh rahmatNya dan naunganNya di dunia dan akhirat. Penghargaan terima kasih ini juga tidak lengkap tanpa kakak-kakak dan adik saya Dorsie, Fatimah, Carmen, Ledi, Vita, Nelly dan Sheril Norshella yang membantu saya selama ini sebagai seorang yang bergelar penuntut ilmu.

Norlaji Hj. Hamid

B.A (Hons; UMS)

Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (2013)

ABSTRAK

Kajian audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia di televisyen tempatan merupakan satu penyelidikan yang melihat penerimaan pelajar berkaitan dengan hubungan keterlibatan dan faktor penarik audiens untuk menonton drama. Tidak dapat dinafikan bahawa drama Indonesia mempunyai pengaruh sangat kuat dan memberi kesan terhadap audiens di Malaysia. Hal ini berlaku disebabkan drama Indonesia yang ditayangkan di televisyen Malaysia mempunyai similariti di antara kedua-dua negara khususnya dari segi budaya dan sosialisasi (*Cultural Proximity*). Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif dengan penggunaan instrumen perbincangan kumpulan terfokus (*Focus Group Discussion-FGD*). Penyelidik memilih dari informan di dua buah sekolah yang dipilih iaitu SMK Perempuan Likas dan SM All Saints. Hasil dapatan dalam kajian mendapati penerimaan audiens dari segi budaya dan sosialisasi amat mempengaruhi audiens di Malaysia hingga membentuk penerimaan iaitu seperti; (i) komited, (ii) Komited dan mengkritik, dan (iii) tidak komited. Suatu penemuan yang menarik dalam dapatan penerimaan audiens ini ialah pelajar remaja menerima drama Indonesia bukan disebabkan oleh kedekatan budaya sahaja tetapi sebenarnya disebabkan kedekatan pengalaman, pemikiran dan perasaan. Dalam dapatan faktor-faktor penarik terhadap audiens didapati faktor seperti pelakon (watak), penceritaan, persekitaran dan bahasa merupakan aspek penarik untuk audiens terus menonton drama Indonesia. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini memberi penjelasan tentang audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia bukan sahaja dikaitkan dengan kedekatan dan persamaan budaya di antara kedua-dua negara tetapi juga disebabkan kedekatan hubungan keterlibatan.

ABSTRACT

THE TEEN AUDIENCE AND ACCEPTANCE OF INDONESIAN DRAMA ON LOCAL MALAYSIA TELEVISION : A CASE STUDY OF LOCAL TEENAGERS

Researching a young audience and their acceptance of Indonesian drama on local television is part of a wider research design to understand students reaction. It relates audience engagement to factors that attract viewers to watch specific types of drama. It is undeniable that Indonesian drama has a very strong influence and makes a big impact on the audience in Malaysia. This occurs because Indonesian dramas that are premiered on Malaysia television demonstrate the similarity between the two countries. Especially in terms of society and culture (i.e. the two cultures are very similar). The qualitative research was conducted with the use of instruments focusing on group discussion (FGD – focus group discussion). Researchers are choose from participants in two selected schools, namely SMK Perempuan Likas and SM All Saints. The study found that Malaysian audiences have accepted the differences between Malaysian and Indonesian culture and be willing to be socialized into Indonesian culture. Their level of acceptance and willingness greatly influence their reactions as either (i) committed (ii) Committed and Criticize (iii) Not Committed. An interesting finding is that adolescents accept Indonesian drama not because of cultural proximity but because of similarity of their experiences, thoughts, and feelings with those of the characters in the dramas. The key factors include actors (characters), plot, language, and environment. These are important in attracting young audiences to continue to watch Indonesian dramas. Therefore, this study sheds light on adolescent audiences accepting Indonesian drama not only because of cultural similarities between the two countries, but also they can identify themselves with the characters.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Tujuan Kajian	9
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Kajian Audiens	12
2.3 Kandungan Drama dan Audiens	17
2.4 Penerimaan Drama	22
2.5 Audiens dan Media (Televisyen)	27
2.6 Kesan dan Pengaruh Media	30
2.7 Teori Penerimaan	34
2.8 Kesimpulan	39

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Kaedah Kualitatif	41
3.3	Instrumen Kajian	42
	3.3.1 Perbincangan Kumpulan Fokus	43
3.4	Populasi	47
3.5	Pemilihan Sampel Kajian (Persampelan)	49
3.6	Proses Mengutip dan Menganalisis Data	56
3.7	Pendefinisian Konseptual	67
	3.7.1 Audiens	67
	3.7.2 Remaja	68
	3.7.3 Penerimaan	70
	3.7.4 Drama Televisyen	72
3.8	Definisi Operasional	73
	3.8.1 Audiens Remaja Pribumi	74
	3.8.2 Penerimaan	75
	3.8.3 Drama Indonesia dan Televisyen Tempatan	76
3.9	Pengurusan Kerja Lapangan	78
3.10	Kesimpulan	80

BAB 4: PEMBENTANGAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	81
4.2	Audiens Remaja dan Penerimaan Terhadap Drama Indonesia	81
	4.2.1 Audiens Komited (<i>Committed Audience</i>)	82
	4.2.2 Audiens Komited dan Mengkritik (<i>Committed and Criticise Audience</i>)	89
	4.2.3 Audiens Tidak Komited (<i>Non-Committed Audience</i>)	90
4.3	Hubungan diantara Audiens dengan Drama Indonesia	91
	4.3.1 Hubungan Pengalaman	92
	4.3.2 Hubungan Perasaan	95
	4.3.3 Hubungan Pemikiran	99
4.4	Faktor-Faktor Tarikan Audiens Menonton Drama Indonesia	102
	4.4.1 Faktor Watak	102

4.4.2	Faktor Penceritaan/Jalan Cerita	105
4.4.3	Faktor Persekitaran	108
4.4.4	Faktor Bahasa	111
4.5	Kesimpulan	114
BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	117
5.2	Audiens Remaja dan Penerimaan Terhadap Drama Indonesia	117
5.3	Drama Indonesia dan Audiens dalam Hubungan Pengalaman, Perasaan, dan Kefahaman	132
5.4	Tarikan Pelakon (Watak), Penceritaan, Persekitaran, dan Bahasa Terhadap Penontonan Audiens	141
5.5	Perbincangan dan Rumusan Hasil Kajian	153
5.6	Implikasi Teori Penerimaan	160
5.7	Halangan dan Cadangan	164
5.8	Kesimpulan	167
RUJUKAN		171
LAMPIRAN		185



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Senarai Informan Mengikut Kaum di SMK Perempuan Likas dan SM All Saints.	56



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 Proses Koding Analisis Data	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran 1	Sistem Analisis Koding Data (Descriptive Coding)	185
Lampiran 2	Kategori Objektif Kajian Berdasarkan Kepada Informan	202
Lampiran 3	Pencerakinan Perbualan Informan Berdasarkan Kepada Objektif Kajian.	204



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BMBP	Bawang Merah Bawang Putih
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
tv	Televisyen
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Dalam dunia yang serba moden dengan pelbagai pilihan saluran media, tanpa disedari atau tidak disedari subjek mesej atau gambaran yang disampaikan menggunakan media massa seperti televisyen (tv) amat efektif untuk merangsang audiens hingga mampu membawa perubahan terhadap pengguna media. Hal ini berlaku disebabkan audiens khususnya dalam kalangan remaja tertarik dengan program televisyen sama ada dalam bentuk iklan, filem dan drama menjadi satu bentuk hiburan dan peralihan untuk merujuk gaya hidup, perilaku dan sikap berkaitan sosialisasi dan budaya.

Di Malaysia televisyen dan drama bukan sesuatu yang asing sejak televisyen diperkenalkan pada 28 Disember 1963 melalui rangkaian Radio Malaysia dan Televisyen warna diperkenalkan pada 28 Disember 1978. Pada peringkat penubuhan hingga ke hari ini perkembangan sistem penyiaran di Malaysia dilihat seiring dengan permintaan drama asing yang mendapat tempat dalam kalangan audiens. Menurut Karthigesu (1994) pada awal perkembangannya, peranan yang dimainkan oleh televisyen khususnya terhadap memodernisasikan masyarakat dilihat sangat memberikan impak yang besar. Melihat situasi yang berlaku pada masa kini impak dari modenisasi masyarakat oleh televisyen menyebabkan berlakunya pertembungan sosialisasi dan budaya (*cross cultural*) sehingga membawa kepada penerimaan drama Indonesia dalam kalangan audiens remaja.

Melalui perkembangan televisyen dan juga tayangan genre drama yang pelbagai dengan jumlah yang banyak memperlihatkan audiens semakin memberikan perhatian kepada drama asing terutamanya drama dari negara Indonesia. Kajian yang dijalankan iaitu "Audiens Remaja dan Penerimaan Drama Indonesia di Televisyen Tempatan: Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Pribumi di Sabah", melihat sejauhmana audiens dan drama Indonesia boleh diterima

meskipun dari satu sudut wujud perbezaan dan persamaan budaya di antara satu sama lain. Menurut Samsudin A. Rahim (2011);

“audiens media adalah audiens yang aktif, dengan itu kandungan media perlu dilihat daripada dua perspektif iaitu kandungan yang disebar (content 'as sent') dan kandungan yang diterima (content 'as received').

Berdasarkan senario kini, audiens remaja dan program televisyen tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain disebabkan kebebasan audiens memilih rancangan yang dikehendaki seperti drama Indonesia. Hal ini ditambah lagi apabila drama Indonesia turut disiarkan di hampir kesemua stesen penyiaran percuma (free to air) seperti syarikat penyiaran Media Prima (saluran TV3, NTV7 dan TV9), Rancangan Televisyen Malaysia – RTM (TV1 dan TV2) dan juga syarikat penyiaran berbayar seperti ASTRO (Ria, Prima dan Aruna). Sesuatu yang ketara ialah trend penontonan khalayak remaja di Malaysia menunjukkan peningkatan dan jumlahnya mencecah hingga jutaan penonton peminat tegar drama. Perkara ini dibuktikan melalui pencapaian penontonan rating drama Indonesia yang disiarkan di saluran Media Prima. Rating penontonan jelas menunjukkan angka peratusan penonton melebihi daripada 50% pada setiap tayangan iaitu drama Bawang Merah Bawang Putih 66.3% (2.69 juta penonton), Anakku Bukan Anakku 54.7% (2.02 juta penonton) dan Jelita 51.1% (1.89 juta penonton) (sumber: TV Research Network TV3).

Hal ini jelas membuktikan audiens dan program yang disiarkan di televisyen berperanan penting di antara satu sama lain kerana mampu memberikan gelombang fenomena penonton fanatik sehingga mewujudkan permintaan tinggi sesebuah drama meskipun wujud persamaan dan perbezaan sosiobudaya. Keadaan ini terbukti melalui kajian oleh sarjana seperti Ang, Morley, Liebes dan Katz yang mendapati bahawa drama *Dallas* boleh diterima di kebanyakan negara lain di dunia meskipun drama tersebut dihasilkan dari negara lain. Namun demikian, perbezaan tersebut tidak menjadi satu penghalang kepada drama *Dallas* untuk terus diminati oleh peminat drama tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dijalankan ini berpunca daripada fenomena yang melanda audiens di Malaysia. Bermula pada penghujung tahun 2006 hingga tahun 2009 drama seperti *Malin Kundang*, drama *Bawang Merah Bawang Putih (BMBP)* dan drama Indonesia lain seperti *Anakku Bukan Anakku*, *Ratapan Anak Tiri* telah mendapat sambutan tinggi dan menggalakkan dari audiens sehingga mendapat kritikan tentang kebanjiran drama Indonesia. Menurut Santok Singh iaitu Pengurus Jenama *Women@TV3* (2007);

"dengan rating sebanyak 2.9 juta hingga 3.1 juta setiap minggu itu sudah jelas menunjukkan bahawa penangan BMBP tidak kebah dengan kritikan dan pandangan negatif yang dilemparkan oleh sesetengah pihak. Dengan jumlah itu juga, menunjukkan hampir 75% penonton seluruh negara menonton BMBP".

Menurut sumber yang diperolehi daripada *TV Research Network TV3* mendapati bahawa fenomena audiens menonton drama Indonesia telah mencecah pada kadar purata 1.8 juta setiap penonton. Sehubungan itu, syarikat penyiaran ASTRO juga tidak ketinggalan dan telah mewujudkan saluran baharu (ASTRO ARUNA) yang mengkhaskan penayangan hanya untuk drama Indonesia. Berdasarkan saluran ARUNA pada bulan Februari 2008 jelas menunjukkan bahawa siaran drama Indonesia telah ditayangkan 24 jam setiap hari dan terdapat 21 buah drama sepanjang bulan Februari untuk memenuhi kehendak selera penonton. Menurut AC Nielsen (AC Nielsen Newsletter, 2009) bahawa penonton remaja dan suri rumah merupakan penyumbang yang paling ramai menonton drama Indonesia berbanding dengan penonton pada kategori lain yang mencecah pada jumlah 50 peratus.

Peningkatan terhadap kemasukan dan kebanjiran drama Indonesia di televisyen Malaysia telah membuka isu untuk penyelidik menjalankan kajian bagi menganalisis audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia. Walaupun disifatkan adanya perbezaan dan persamaan budaya yang ketara di antara satu sama lain tetapi hal ini tidak menghalang drama Indonesia terus mendapat

permintaan dari penonton remaja Malaysia. Menurut Rogers (1991), soap opera hanya merupakan fiksyen di televisyen yang amat popular terhadap budaya media massa terutamanya dihasilkan khas untuk wanita. Melalui drama popular yang dihasilkan maka kajian melihat audiens adalah penting dalam mengetahui bentuk penerimaan terhadap drama Indonesia.

Berdasarkan kepada keadaan dan fenomena yang berlaku bahawa kajian terhadap audiens remaja adalah untuk mengetahui sejauh mana penerimaan golongan ini terhadap drama Indonesia. Selain itu, kajian juga melihat faktor-faktor kepada penerimaan drama dan hubungan yang wujud di antara audiens dan drama. Melalui kajian sebegini ia dapat menerangkan dan mengupas tentang pentingnya audiens terhadap pembangunan drama Malaysia yang kurang mendapat sambutan. Kajian ini juga penting untuk memberikan input tentang audiens Malaysia sama ada dari bentuk minat dan kecenderungan terhadap drama. Kajian oleh Liebes dan Katz (1985) mendapati bahawa audiens luar yang menonton program hit *Dallas* menunjukkan drama tersebut dijadikan sebagai forum bagi memperlihatkan identiti mereka sama ada dari segi moral, seni, ideologi atau hiburan.

Oleh itu, kajian audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia ini dijalankan adalah untuk melihat secara keseluruhan mengenai aspek penerimaan oleh audiens remaja yang membawa kepada situasi atau fenomena peningkatan dan sambutan drama Indonesia yang berlaku di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah penerimaan terhadap drama Indonesia, faktor-faktor dan hubungan yang berlaku di antara audiens.

1.3 Permasalahan Kajian

Melalui senario audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia yang banyak dikaitkan dengan budaya dan sosialisasi di antara kedua-dua negara, dapat diperhatikan bahawa pada tahun 2006 drama Indonesia mula melonjak melalui permintaan dan sambutan oleh penonton Malaysia. Contohnya drama *Malin Kundang* (ditayangkan di TV2) dan drama *BMBP* (ditayangkan di TV3) telah menjadi pilihan utama oleh audiens. Apabila dilihat, secara tidak langsung kedua-

dua drama ini mempunyai persamaan dan perbezaan budaya serta sosialisasi contohnya kisah dongeng klasik yang dikongsi bersama oleh kedua-dua negara. Menurut Md Azalanshah dan Mohd Nazri (2012);

"Rating drama BMBP dipercayai yang paling tinggi dalam sejarah tayangan drama rantaian di Malaysia. Pelbagai faktor dikatakan menyumbang pada populariti drama rantaian itu daripada kedekatan budaya (cultural proximity) kepada kualiti penerbitan yang terbaik. Yang perlu diakui ialah jalan cerita drama rantaian itu yang berasaskan alam mistik dan persamaan versi cerita dongeng yang dikongsi antara rakyat negara ini dengan negara jirannya merupakan penyebab utama kejayaan Bawang Merah dan Bawang Putih meraih populariti tinggi dalam kalangan penonton"

(Md Azalanshah dan Mohd Nazri, 2012:21).

Semenjak itu kemasukan drama Indonesia mula mendapat sambutan menggalakkan sehingga memecahkan rekod penonton tertinggi drama asing dan juga drama Melayu di Malaysia. Hal ini sekaligus membawa budaya luar yang memberikan impak kepada audiens di Malaysia. Berdasarkan perkembangan drama Indonesia yang mendapat perhatian berbanding dengan drama Malaysia, ia sebenarnya turut memberikan kesan dan pengaruh kepada keadaan sosial dan budaya audiens yang menonton drama ini. Menurut Asiah Sarji (1996), kandungan media, termasuk filem, berkemampuan meninggalkan kesan yang pelbagai kepada khalayak terutama dalam keadaan pelbagai sama ada kesan negatif atau kesan positif.

Melalui kebanjiran drama Indonesia di televisyen tempatan adalah menarik untuk mengkaji dan melihat penerimaan (*reception*) audiens terhadap drama Indonesia yang mempunyai pertembungan budaya di antara kedua-dua negara. Hal ini dijelaskan oleh Fortier (2002) bahawa penerimaan oleh penonton biasanya akan berlaku apabila wujud hubung kait atau perkongsian seperti budaya dan pengalaman individu yang berkait rapat dengan program yang disiarkan. Penerimaan oleh audiens juga membabitkan kandungan rancangan sama ada

untuk mempengaruhi penerimaan audiens atau persekitaran. Menurut Sufyan et, al. (2005) kandungan rancangan televisyen adalah sebagai agen sosialisasi dan faktor yang mempengaruhi tingkah laku dan sikap penonton termasuk komunikasi seharian.

Selain itu, kesan kebanjiran dan sambutan terhadap drama Indonesia ini telah membimbangkan kerana penuluran budaya dan sosialisasi yang dibawa ke Malaysia serta kecenderungan audiens untuk menjadikan drama Indonesia sebagai pilihan rancangan televisyen. Apakah yang menyebabkan audiens di Malaysia tertarik dengan drama Indonesia walaupun terdapat kesan hasil dari perbezaan budaya dan kebanyakan disogok dengan kesan negatif? Situasi ini berdasarkan perbahasan dalam Perhimpunan Agung UMNO (2006) apabila wakil wanita UMNO Rahimah Idris menyatakan bahawa "drama bersiri yang ditayangkan empat kali seminggu selama sejam itu, bertentangan dengan pendekatan Islam Hadhari yang diperjuangkan oleh Presiden Parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi" (Laporan Persidangan Perhimpunan Agung UMNO 2006).

Dengan menularnya fenomena drama Indonesia yang popular dalam kalangan audiens remaja ke golongan suri rumah menyebabkan drama asing menjadi bahan perbualan dan isu yang sering diperdebatkan. Menurut Md. Azalanshah (2011);

"Drama adalah 'cultural phenomenon' (fenomena budaya) bukan sahaja disebabkan popular dalam kalangan audiens Melayu tetapi menjadi subjek utama oleh kerajaan khususnya UMNO dalam mengkritik wanita yang mengabaikan kerja dan aktiviti komuniti/kemasyarakatan. Sebagai contohnya sikap dan tingkahlaku ahli wanita UMNO yang lebih sibuk menonton drama BMBP hingga menyebabkan kurangnya kehadiran dalam perhimpunan agung UMNO dan ia dapat dikenalpasti sebagai fenomena budaya baru yang sukar untuk diterangkan".

(Md Azalanshah, 2011:17).

Hal ini terbukti apabila isu budaya dan sosial yang dibawakan oleh drama asing bukanlah sesuatu yang baharu pada masa sekarang, isu ini telah diperdebatkan sejak wujudnya pemilikan televisyen di Malaysia. Siaran drama asing yang mendapat sambutan dalam kalangan audiens televisyen iaitu drama *Dallas* yang disiarkan pada 2 April 1978 hingga 31 Mei 1991 telah membawa kepada kebimbangan kemerosotan norma-norma budaya Melayu. Menurut Karthigesu (1994), Othman Saat iaitu Menteri Besar Johor pada ketika itu menuduh bahawa Televisyen Malaysia bertanggungjawab atas kemerosotan norma tradisonal dalam perlakuan masyarakat Melayu disebabkan siarannya yang banyak dari negara luar. Situasi ini menjelaskan bahawa perbezaan dan persamaan sosiobudaya antara kedua-dua negara dan peningkatan terhadap penontonan drama Indonesia adalah sesuatu yang penting untuk mengkaji tentang audiens remaja dan penerimaan drama dari negara seberang ini.

Selain itu, berdasarkan sumber yang diperoleh daripada pihak Media Prima (bahagian TV Research Network TV3) mendapati penontonan tertinggi drama Indonesia di TV3 menunjukkan tiga buah drama yang mencecah lebih 2 juta penonton ialah BMBP (disiarkan pada akhir tahun 2006 hingga tahun 2007) berjumlah 2.7 juta, Ratapan Anak Tiri (disiarkan pada tahun 2007) berjumlah 2.7 juta dan drama Anakku Bukan Anakku (disiarkan pada tahun 2008) berjumlah 2.0 juta. Angka ini menimbulkan kebimbangan terhadap pelbagai pihak sekiranya ia berlanjutan sehingga memberikan kesan pada industri drama tanahair dan audiens itu sendiri.

Peningkatan jumlah penontonan terhadap drama Indonesia di Malaysia menyebabkan semakin tinggi peluang untuk audiens dipengaruhi oleh budaya yang dibawa. Hal ini sesuai seperti yang dijelaskan oleh Livingstone (2003) bahawa semakin kerap kita menonton televisyen maka semakin besar kesan yang dirasai. Bagaimanapun keadaan audiens yang memberikan tumpuan terhadap drama Indonesia turut membimbangkan apabila beberapa buah syarikat penyiaran berlumba-lumba menyiarkan drama Indonesia dan mula menenggelamkan populariti permintaan drama Melayu. Keadaan sebegini memberikan kebimbangan

akan mewujudkan permintaan yang semakin tinggi terhadap drama Indonesia sehingga menyebabkan industri drama Malaysia tidak bersifat produktif.

Berdasarkan sumber ASTRO (ASTRO Book Review February 2008) terdapat beberapa saluran dalam pakej ASTRO yang menayangkan drama Indonesia seperti saluran Ria, Prima, dan Oasis. Perkara yang paling menarik ialah apabila populariti drama Indonesia yang mendapat sambutan di Malaysia telah menyebabkan ASTRO menyediakan (mengkhaskan) saluran rancangan yang hanya menyiarkan drama Indonesia selama 24 jam setiap hari tanpa henti. Saluran khas menyiarkan drama Indonesia iaitu Aruna telah menyiarkan 21 buah drama tanpa henti malahan dalam bulan februari sahaja di dapati bahawa terdapat lapan siri menggantikan episod drama yang telah tamat siri (musim). Hal ini menunjukkan satu jumlah yang banyak dan kebanyakan siaran lain turut menyiarkan drama Indonesia sebanyak 12 jam seminggu (RTM), manakala 19 jam seminggu untuk TV3.

Oleh itu, audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia adalah penting untuk dikaji terutamanya dalam mengetahui penerimaan yang berlaku dalam kalangan audiens remaja di Malaysia. Hal ini akan melibatkan sosiobudaya di kedua-dua negara yang menyebabkan peningkatan permintaan dan sambutan drama Indonesia. Menurut Md Azalanshah dan Mohd Nazri (2012) sementara kita berada pada lokus budaya dan fizikal yang khusus, kita juga mampu untuk terlibat dengan imej yang datang dari tempat yang jauh. Hal demikian kerana, sepertimana televisyen mampu membentuk cara baharu untuk memberikan bayangan imaginasi tentang ruang dan tempat.

Meskipun wujud persamaan dan perbezaan budaya serta sosialisasi antara kedua-dua negara namun adalah penting untuk mengetahui bentuk penerimaan oleh audiens di Malaysia terhadap drama Indonesia di televisyen tempatan. Walau bagaimanapun secara umumnya drama Melayu (Malaysia) juga mempunyai tarikan tersendiri.

1.4 Persoalan Kajian

Melihat senario dan permasalahan yang dijelaskan terdapat jumlah sambutan audiens yang tinggi di Malaysia (menonton drama Indonesia) dan menjadi pengikut setia drama asing ini. Walaupun wujud perbezaan dan persamaan budaya serta sosialisasi yang dibawakan oleh drama Indonesia tetapi permintaan sambutan semakin menggalakkan dan diterima oleh audiens Malaysia. Oleh itu persoalan yang hendak dijawab dalam kajian ini ialah;

1. Bagaimanakah penerimaan penontonan audiens terhadap drama Indonesia yang mempunyai persamaan dan perbezaan budaya dan sosialisasi di antara kedua- dua negara?
2. Apakah hubungan di antara audiens dengan drama yang ditonton sehingga menjadikan audiens mengikuti drama Indonesia?
3. Apakah faktor-faktor yang menjadi daya tarikan terhadap penontonan drama Indonesia?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia terutamanya golongan ini yang disifatkan menonton drama Indonesia hingga mendapat sambutan tinggi. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini melihat audiens dan penerimaannya dengan hubungan yang berlaku selain faktor-faktor yang mempengaruhi penontonan drama Indonesia. Bagi mengetahui secara khusus tujuan kajian ini dijalankan, penyelidik membentuk tiga objektif khusus agar dapat mempelbagaikan hasil kajian selain mengelakkan kajian ini tersasar daripada tujuan sebenar.

1.6 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang dibentuk oleh penyelidik berkaitan audiens remaja dan penerimaan drama Indonesia. Objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut;


1. Mengenal pasti penerimaan audiens remaja terhadap drama Indonesia.

2. Mengetahui pasti hubungan keterlibatan yang wujud di antara audiens dengan drama Indonesia.
3. Mengetahui pasti faktor-faktor tarikan audiens menonton drama Indonesia.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan hasil kepada bidang amalan komunikasi sebagai salah satu rujukan berkaitan audiens. Kajian ini juga dapat mengetahui pasti penerimaan drama Indonesia oleh audiens remaja selain bagi mengetahui faktor yang menjadikan audiens tertarik untuk mengikuti drama Indonesia yang disiarkan. Hal ini boleh memberikan manfaat kepada pengkarya serta penggiat industri drama tanahair di Malaysia.

Selain itu, melalui kajian audiens yang dijalankan ini dapat mempelbagaikan kajian dalam bidang komunikasi berkaitan dengan penyiaran selain ilmu disiplin komunikasi lain seperti kewartawanan, perhubungan awam dan budaya. Kajian ini diharap dapat membantu memperbanyak penulisan mengenai kajian audiens di Malaysia selain kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji lain yang ingin mengkaji tentang isu audiens melibatkan negeri Sabah secara umumnya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH